

Dr. M: Perjuangan UMNO adalah untuk faedah rakyat

85

B. H. 20 MAY 1980

KUALA LUMPUR, Ahad. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari mengingatkan bahawa perjuangan UMNO adalah untuk faedah rakyat keseluruhannya.

Oleh itu, tegas beliau, tidak seorang rakyat Malaysia yang boleh mendakwa tidak menikmati hasil perjuangan UMNO.

Katanya, faedah seperti pelajaran, perubatan, jalanraya dan bekalan serta lain-lain kejayaan adalah merupakan hasil perjuangan UMNO.

Sambil mengingatkan rakyat yang sebelum merdeka mereka hanya menikmati sebahagian kecil dari hasil negara, beliau menyeru agar rakyat mempertahankan sistem sekarang dan jangan menolak segala usaha UMNO untuk mengadakan kemudahan bagi mereka.

Beliau berkata demikian di Pelancaran Derma Tabung Bangunan Kompleks UMNO Malaysia anjuran UMNO Bahagian Kuala Lumpur Bandar hari ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kekayaan negara sekarang dimiliki dan diusahakan oleh rakyat Malaysia dan tidak ada siapa boleh menolak yang kekayaan itu sekarang lebih besar dari dulu.

Kebolehan UMNO mentadbir dan menjamin kestabilan negara di samping mengadakan berbagai peluang bagi rakyat yang ingin berusaha telah mendatangkan faedah kepada negara, tambahnya.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, mereka yang tidak berjaya dan tidak ingin berusaha akan menyatakan Dasar Ekonomi Baru tidak berjaya.

Sumbangan

Tetapi, tambahnya, mereka yang sanggup bekerja keras akan dapat menikmati faedahnya.

Seterusnya, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, pembinaan Kompleks UMNO Malaysia berharga \$140 juta masih memerlukan banyak sumbangan.

Katanya, ahli UMNO sendiri mesti menanggung perbelanjaan tersebut sebagai tanda ketaatan mereka kepada perjuangan UMNO.

Menurutnya, jumlah yang terkumpul sekarang adalah \$800,000 dan matlamatnya adalah untuk mengutip \$7 juta setahun untuk selama

tiga tahun dari ahli-ahli sendiri.

Permintaan memberi derma untuk bangunan kompleks itu adalah kecil jika dibandingkan dengan kemewahan yang terdapat di negara ini.

Beliau berkata, sesiapa juga boleh menghulurkan derma untuk pembinaan bangunan tersebut.

Kata Datuk Seri Dr. Mahathir, pembinaan kompleks tersebut akan dimulakan tahun depan dan ia terdiri dari pusat konvensyen, hotel, dewan pameran dan blok pejabat.

Katanya, pembinaan pusat konvensyen itu akan dibina di peringkat awal.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga berkata, kira-kira \$2 juta dibelanjakan oleh UMNO untuk pentadbiran setiap tahun dan tidak seorang ahli UMNO boleh melepaskan diri dari tanggungjawab kewangan ini.

Di antara sumbangan besar diterima oleh Bahagian tersebut ialah \$25,000 dari Syarikat Permodalan Kebangsaan, \$25,000 dari Sri Jaya dan \$25,000 dari Syarikat Mawarisa.